

NAMA :

KELAS :

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023
NEGERI MELAKA**

TASAWWUR ISLAM

5226

**November
2 jam 30 minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis **nama** dan **kelas** pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.*
4. *Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B** di kertas soalan ini.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1-20	
B	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
	6	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga 4

Pilih jawapan yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

1. Sesuatu hal yang telah ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhluk-Nya sebelum makhluk itu dijadikan.
[Qadak / Qadar / Rukun]
2. Kelompok yang berhak menerima zakat.
[Qazaf / Salafusoleh / Asnaf]
3. Harta rampasan dalam peperangan.
[Ghanimah / Jizyah / Fai']
4. Perasaan taasub perkauman.
[Asabiyyah / Syura / Tahkim]

Soalan 5 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.


Islam	bertakwa	komunis	Madinah	sedekah	zakat
-------	----------	---------	---------	---------	-------

5. Islam mewajibkan umatnya mengeluarkan _____ untuk membantu golongan miskin.
6. Manusia yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah mereka yang paling _____.
7. Ekonomi _____ ialah segala keputusan ekonomi dibuat oleh pemerintah dan semuanya diserahkan serta dimiliknegerakan secara total bagi kepentingan masyarakat.
8. Piagam _____ merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia .

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Tasawwur Islam JB 2023

Soalan 9 hingga 10

Lengkapkan carta alir di bawah berkaitan peringkat alam yang dilalui manusia.




9. A ialah _____

10. B ialah _____

Soalan 11 hingga 13

Lengkapkan peta buih di bawah tentang Elemen Pembentukan Negara Islam.




11. C ialah _____

12. D ialah _____

13. E ialah _____

Soalan 14 hingga 15

Lengkapkan rajah di bawah mengenai asas sistem perundangan Islam.



14. F ialah _____

15. G ialah _____

Soalan 16 hingga 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Mengucap dua kalimah syahadah ialah rukun iman yang pertama.

17. Al-Baladah ialah salah satu sifat wajib bagi rasul.

18. Orang yang melakukan qazaf akan disebat 80 kali.

19. Berdamping dengan orang soleh dan berilmu dapat meningkatkan kualiti ibadah seseorang.

20. Tabung Haji menyediakan kemudahan menyimpan wang untuk menunaikan haji kepada para pendeposit.

Bahagian B
[80 markah]
Jawab **empat** soalan sahaja.

1 (a) (i) Apakah maksud Islam sebagai al-Din? [2 markah]

(ii) Jelaskan sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup. [2 markah]



(b) Berdasarkan gambar diatas, berikan pandangan anda, bagaimanakah cara menyelesaikan masalah tersebut daripada terus berleluasa dalam kalangan masyarakat. [6 markah]

(c) Terangkan **dua** sebab Islam menuntut umatnya untuk bekerja. [4 markah]

(d) (i) Senaraikan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** kesan pengabaian sistem ekonomi Islam. [4 markah]

2 (a) (i) Berikan **dua** contoh tanggungjawab manusia kepada alam. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** tujuan Allah SWT mencipta manusia. [4 markah]



(iii) Sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, terangkan **dua** kepentingan aktiviti berdasarkan gambar di atas. [4 markah]

3 (a) (i) Senaraikan **dua** ciri keluarga Islam.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab isteri terhadap suami.

[4 markah]

“Janganlah seorang laki-laki berkhalwat dengan seorang wanita kecuali dia disertai mahramnya, kerana yang ketiga di antara keduanya adalah syaitan.”

[HR Muslim, dari jalur Ibn Abbas].



(b) (i) Nyatakan **dua** contoh akhlak mazmumah yang perlu dihindari dalam sesebuah pergaulan selain daripada yang dinyatakan dalam hadis di atas.

[2 markah]

- (ii) Mengapakah Islam melarang umatnya mengamalkan akhlak mazmumah dalam pergaulan? [4 markah]

- (c) (i) Nyatakan **empat** ciri pengurus dan pentadbir yang baik. [4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** tindakan yang boleh dilakukan dalam merealisasikan prinsip tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi. [4 markah]

4 (a) (i) Apakah maksud murunah. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** ciri prinsip murunah dalam pandangan hidup Islam. [2 markah]

(iii) Huraikan **dua** perbezaan murunah dan thabat. [4 markah]

Murunah	Thabat

(b) (i) Nyatakan **dua** prinsip muamalah dalam Islam. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** langkah untuk menggalakkan masyarakat bermuamalah secara Islam. [4 markah]

Kes tipu jual beli barang kemas dalam talian meningkat

Berita Harian 9 April 2021

Orang ramai diingot jangan mudah terpedaya harga murah daripada pasaran

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 37 kes penipuan jual barang kemas dalam talian membabitkan kerugian RM239,530 direkodkan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, berkata jumlah itu meningkat berbanding 44 kes direkodkan dengan kerugian RM261,954 sepanjang tahun lalu, manakala 21 kes dengan nilai kerugian RM148,444 pada 2019.

Beliau berkata, perkembangan teknologi dan komunikasi mewujudkan peluang perniagaan dalam talian kerana akses mudah dan tanpa had, khususnya ketika negara berdepan penularan COVID-19.

"Ia sekali gus menjadikan platform e-dagang pilihan pengguna, namun perkembangan ini juga mewujudkan jenayah penipuan jualan barangan yang tidak wujud," katanya dalam kenyataan, semalam.

Zainuddin menegaskan, polis sudah mengambil langkah berkesan bagi membanteras aktiviti itu, namun dari aspek pencegahan, pembabitan masyarakat amat diperlukan.

Justeru, beliau meminta orang ramai agar sentiasa berhati-hati dan berwaspada dalam urusan jual beli barang kemas secara maya.

"Jangan mudah percaya dengan tawaran jualan barang kemas yang lebih murah daripada pasaran semasa, terutama apabila dijual oleh pihak tidak dapat dipastikan kesahihannya," katanya.

Beliau meminta orang ramai berhubung dengan CCID (JSJK) Scam Response Centre melalui talian 03-26101599/1599 jika mempunyai sebarang keraguan berkaitan aktiviti jual beli dalam talian.

(iii) Pada pandangan anda, mengapakah masih ada peniaga yang tidak mengamalkan ciri muamalah Islam. Bincangkan.

[6 markah]

(c) (i) Apakah maksud takzir? [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** contoh kesalahan takzir. [4 markah]

(d) Jelaskan **dua** syarat kesaksian dalam prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan. [4 markah]

6 (a) (i) Nyatakan **dua** konsep hiburan dalam Islam. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** adab dan etika berhibur menurut Islam. [4 markah]

(b) Jelaskan **dua** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam. [4 markah]

(c) Terangkan **dua** perbezaan antara negara Islam dengan negara bukan Islam. [4 markah]

Negara Islam	Negara Bukan Islam

- (d) (i) Senaraikan **dua** ciri khilafah dalam sistem pemerintahan Islam. [2 markah]

- (ii) Sebagai seorang pengerusi persatuan di sekolah, bagaimanakah anda mengamalkan sikap hormat menghormati terhadap satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama? [4 markah]
